محكمه شرعيه نكري ملك
**MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA**
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA

*Telefon :*
*06 - 2332060 (Kaunter OSC)*
*06 - 2332061 (Mahkamah Rendah)*
*06 - 2331084 (Unit Pentadbiran)*
*06 - 2332055 (Unit Kewangan)*
*Faks : 06 - 2313913*
*Laman Web :* http://www.mahsyariahmelaka.gov.my

**Ruj. Kami** : MSNM 500-5/2 Jld 2 (57)
**Takwim** : 12 Rejab, 1435H
**Tarikh** : 12 Mei, 2014

Kepada :

Mahkamah Tinggi Syariah Melaka
Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah
Mahkamah Rendah Syariah Jasin
Mahkamah Rendah Syariah Alor Gajah
Unit Sulh/ Seksyen BSK/ Unit Rekod MSNM
Peguam Syarie
Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka
Pegawai Syariah JBG Negeri Melaka

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.A, Tuan/Puan,

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA MENGENAI PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA TAHUN 2013 YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (BIL. 1/2014)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa hasil persetujuan yang dicapai oleh ahli Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Tahun 2013 yang dianggotai oleh YAA Ketua Hakim Syarie Negeri-Negeri pada 1 hingga 3 Disember, 2013 yang lalu, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengeluarkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah Malaysia Tahun 2013 untuk digunapakai di Negeri-Negeri di seluruh Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini menerima pakai ( semua / 6 ) Arahan Amalan Mahkamah Syariah Malaysia di negeri ini yang mula berkuatkuasa mengikut tarikh Arahan Amalan tersebut dikeluarkan. YA/ Tuan/ Puan hendaklah memastikan Arahan Amalan tersebut dilaksanakan sewajarnya.

Segala kerjasama YA/ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGERA"**
**" SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**( Y.A.A.MOHD RADZI BIN HJ. ABD LATIF)**
Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah Syariah,
**NEGERI MELAKA.**

محكمه شرعيه نكري ملك
**MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA**
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA

*Telefon :*
*06 - 2332060 (Kaunter OSC)*
*06 - 2332061 (Mahkamah Rendah)*
*06 - 2331084 (Unit Pentadbiran)*
*06 - 2332055 (Unit Kewangan)*
*Faks : 06 - 2313913*
*Laman Web :* http://www.mahsyariahmelaka.gov.my

Rujukan Kami : MSNM 500-5/2 ( 58 )
Tarikh : 6 Ogos 2014

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Tuan Ketua Pendaftar
Tuan / Puan Hakim Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah
Tuan/Puan Pegawai Sulh
Tuan/Puan Penolong Pendaftar
Tuan/Puan Pembantu Hakim
Tuan/Puan Peguam Syarie / Jabatan Bantuan Guaman
Pihak-Pihak Yang Berurusan Di Mahkamah Syariah

Y.A / Tuan / Puan,

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA**
**BIL. 2/2014**

(PEMAKAIAN SULH)

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejajar dengan Arahan Amalan Bil. 3 Tahun 2002 dan Bil. 1 Tahun 2010 yang dilampirkan **di lampiran 'A'** surat ini yang menyebut bahawa kes-kes yang telah didaftarkan hendaklah dirujuk ke Majlis Sulh terlebih dahulu tanpa gagal.

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama daripada semua pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah / Peguam Syarie yang beramal di Mahkamah Syariah Negeri Melaka untuk menasihati anak guam masing-masing supaya menghadirkan diri ke Majlis Sulh terlebih dahulu sebelum kes tersebut dipanjangkan ke Mahkamah untuk perbicaraan sekiranya penyelesaian secara Sulh gagal.

4. Kegagalan di peringkat Sulh hanya setelah pihak-pihak melalui / hadir proses Sulh dan Pegawai Sulh memberikan laporan sama ada gagal atau berjaya.

...2/-

5. Pengecualian hanya bagi Perjanjian Penyelesaian / Persetujuan yang telah dibuat oleh Peguam Syarie atau pihak-pihak yang tidak perlu dirujuk kepada Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran sebagaimana Arahan Amalan No. 2 Tahun 2012.

Sekian. Terima kasih.

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II"**
**"BERKAT, TEPAT, CEPAT"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(Y.A.A TUAN MOHD RADZI BIN HAJI ABD. LATIF)**
Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka

*far/surat arahan ketua hakim (pemakaian sulh)*